

Headline	Cuaca ekstrem		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	01 Mar 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	31	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,303
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,909



# Cuaca ekstrem

**Kuala Lumpur:** Malaysia banyak menyaksikan perubahan cuaca yang dilihat ekstrem sejak kebelakangan ini, ada antaranya tidak pernah dilihat sebelum ini.

Dengan negara terletak di kawasan Khatulistiwa, Malaysia sudah lazim dengan iklim tropika. Suhu pada puratanya 27 darjah Celsius dan kadar kelembapan antara 70 hingga 90 peratus menjadikan Malaysia panas dan lembap sepanjang tahun.

Bagaimanapun, sejak setahun kebelakangan ini, Malaysia menyaksikan pelbagai fenomena cuaca yang dianggap luar biasa.

Ini termasuk cuaca panas yang terlalu terik sehingga mencapai 41 darjah Celsius, kadar hujan yang terlalu tinggi ketika Monsun Timur Laut hingga berlaku banjir besar, suhu sejuk seperti berlaku di Kelantan pada awal tahun serta kejadian puting beliung pada akhir 2014.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam penyelidikannya menunjukkan panas di Malaysia meningkat sejak lebih 40 tahun dan meramalkan paras air hujan juga akan meningkat.

Laporan Panel Antara Kerajaan dan Perubahan Iklim (IPCC) menyatakan, suhu permukaan bumi meningkat daripada 1.1 darjah Celsius kepada 6.4 darjah Celsius pada abad ke-21 dengan peningkatan ketara pada 1990-an.

Bumi yang lebih panas juga menyebabkan ais di kutub, terutama di zon Artik, mula mencair. Ini seterusnya menyaksikan le-

bih banyak lagi perubahan iklim berlaku yang dikaitkan dengan pemanasan global.

Fenomena iklim seperti kitaran monsun dijangka berubah, dengan El-Nino mengakibatkan lebih banyak banjir, kemarau dan gelombang panas.

Bagaimanapun, pakar meteorologi tempatan yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan Universiti Malaysia, Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berpendapat, perubahan cuaca dihadapi Malaysia sekarang bukan sesuatu yang aneh. Ini kerana sistem cuaca sentiasa berubah dan tidak statik.

Katanya, banjir, terutama di Kelantan, berlaku hampir setiap tahun.

"Ia menjadi luar jangkauan kerana ribut dan hujan lebat datang secara serentak dengan air pasang besar.

"Dengan kadar hujan melebihi 1,000mm serta turun dalam empat hingga lima hari itu, adalah mustahil ia tidak akan menyebabkan banjir. Namun yang menjadi persoalan, kenapa air hujan itu tidak boleh mengalir ke laut," katanya.

Perubahan cuaca ini berkaitan latitud tengah yang menyebabkan luruan angin. Antaranya, luruan udara sejuk yang berlaku di Kelantan sekarang berpunca daripada udara yang bertiup dari Siberia.

Tekanan atmosfera di kawasan tanah tinggi Siberia menjadi tinggi manakala tekanan di kawasan barat Lautan Pasifik menjadi rendah, mendorong pergerakan angin sejuk

dari Siberia ke barat Lautan Pasifik.

Sekurang-kurangnya tujuh atau lapan luruan berlaku dalam satu monsun yang mempengaruhi iklim di Malaysia, sama ada dengan membawa hujan atau sebaliknya.

"Apabila kawasan kita panas manakala di sana pula sejuk, akan berlaku banyak lagi luruan angin ke kawasan kita. Ada luruan tidak menyebabkan hujan.

"Macam Febuari lalu, berlaku luruan sejuk tetapi tidak membawa hujan, malah cuaca di sini panas serta kering hingga hutan terbakar. Ada yang anggap ini disebabkan oleh pemanasan bumi, sedangkan awan pun tidak boleh terhasil," katanya.

Diakui bahawa aktiviti manusia melalui perindustrian, permotoran serta pembakaran hutan secara tidak terkawal menyumbang kepada perubahan iklim berikutan peningkatan gas rumah hijau.

Walaupun perubahan iklim menjejaskan seluruh dunia, mereka yang tinggal di kawasan tropika lebih terdedah kepada gas rumah hijau.

"Kawasan tropika seperti Malaysia adalah pintu utama gas rumah hijau masuk ke atmosfera. Apabila semakin banyak penyingkiran ozon di atmosfera, fenomena lubang ozon boleh berlaku yang akan mendedahkan manusia kepada sinaran UV berbahaya yang boleh menyebabkan kanser kulit," kata Ketua Pusat Perubahan Iklim Tropika Institut Perubahan Iklim UKM, Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir. - BERNAMA